

# UMS anjur Program Bicara Buku di PBAKL 2023

UB 16.06.2023 P.02

**KUALALUMPUR:** Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengadakan Program Bicara Buku sempena Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) 2023 di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTCKL) di sini baru-baru ini.

Menurut kenyataan Penerbit UMS, antara tujuan program itu adalah untuk mempromosikan buku terbitan UMS yang memenangi Anugerah Buku Negara (ABN) 2022 iaitu buku 'Perpindahan Ibu Kota Indonesia ke Kalimantan: Implikasinya ke atas Negeri Sabah Malaysia'.

"Program diskusi ini membicarakan isu semasa iaitu impak perpindahan ibu kota Indonesia ke Kalimantan dan persiapan negara dalam menghadapinya.

"Antara panel pembicara yang hadir mengupas isu ini ialah mantan Pesuruhjaya Po-

lis Sabah Datuk Abd Rashid Harun; penyunting buku iaitu Profesor Madya Dr. Ramli Dollah dan Dr. Amrullah Maraining; dan Dr. Yasmin Ooi selaku moderator program," menurut kenyataan itu.

Pada akhir program, Abd. Rashid ketika sesi bicara berkenaan menegaskan bahawa kedaulatan negara hendaklah dipelihara sebaiknya.

"Ini dengan memastikan keselamatan sempadan terjaga, di samping mengutamakan kepentingan sosioekonomi dan keharmonian antara Malaysia dan negara tetangga," katanya.

Program itu turut dihadiri Naib Canselor UMS Prof. Datuk Dr. Kasim Mansor dan Pengarah Penerbit UMS Prof. Madya Dr. Kenneth Teo Tze Kin.

Program yang julung kali diadakan oleh Penerbit UMS di peringkat PBAKL itu merupakan inisiatif untuk



**BUKU:** Kasim (tiga dari kanan) dan Abd. Rashid (empat dari kanan) bergambar bersama buku yang memenangi Anugerah Buku Negara.

meningkatkan keterlihatan UMS di samping memasarkan buku terbitan universiti.

Orang ramai yang ingin membeli buku 'Perpindahan Ibu Kota Indonesia ke Ka-

limentan: Implikasinya ke atas Negeri Sabah, Malaysia' boleh mendapatkannya di

Kedai Buku UMS dengan menghubungi talian 012-8629745.